



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

PENGENALAN DASAR PASARAN KARBON KEBANGSAAN (DPKK) MEMPERKUKUH EKOSISTEM EKONOMI RENDAH KARBON NEGARA

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, telah melancarkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK) iaitu sebuah kerangka strategik komprehensif yang akan menjadi panduan dalam membina ekosistem pasaran karbon yang telus, dipercayai, dan berintegriti tinggi di Malaysia.

DPKK dilancarkan bersempena dengan *Climate Change and Sustainability Conference 2026* anjuran Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang berlangsung selama dua (2) hari bermula daripada 21 hingga 22 April 2026.

Secara dasarnya, DPKK telah diluluskan Jemaah Menteri pada 1 April 2026 dan diperkenalkan untuk memacu tindakan iklim bagi mencapai sasaran *Nationally Determined Contributions* (NDC 3.0) negara, iaitu pengurangan mutlak pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 15 hingga 30 juta tan karbon dioksida setara (MtCO₂e) menjelang tahun 2035, sebagai salah satu obligasi Malaysia di bawah Perjanjian Paris.

Dalam ucapan perasmian YB Menteri, beliau menjelaskan bahawa DPKK dibangunkan dengan mengambil kira perkembangan terkini landskap pasaran karbon tempatan dan global. Kerangka DPKK digubal berasaskan empat (4) teras strategik utama yang berfungsi untuk memacu agenda penyahkarbonan negara:

- a) **Pelaksanaan Pasaran Karbon Berintegriti Tinggi:** Memudah cara operasi pasaran karbon pematuhan khususnya di bawah Artikel 6, Perjanjian Paris dan *Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation* (CORSA) dan dijangka merencanakan lagi aktiviti perdagangan karbon di bawah pasaran sukarela.
- b) **Memacu Ekosistem dan Infrastruktur Kondusif:** Memfokuskan kepada pembangunan registri karbon kebangsaan, serta penyelarasan sistem Pemantauan, Pelaporan, dan Pengesahan (MRV) agar kredit karbon yang diterbitkan dapat dijejak bagi mengelakkan pengiraan berganda.
- c) **Memangkin Perdagangan Kredit Karbon:** Memperkukuh kerjasama antarabangsa melalui Memorandum Persefahaman (MoU) seperti yang telah dimulakan dengan Republik Korea dan Singapura, serta memacu transisi projek *Clean Development Mechanism* (CDM) kepada *Paris Agreement Crediting Mechanism* (PACM) melalui pelaksanaan Aturan Kebangsaan (National Arrangements) bagi pemindahan kredit karbon ke luar negara.
- d) **Melengkapi Tindakan Penyahkarbonan Sektor:** Menjadi asas kepada reka bentuk instrumen harga karbon negara seperti Cukai Karbon atau Skim Perdagangan Pelepasan di samping melengkapi usaha penyahkarbonan sektoral sedia ada (tenaga, pertanian, perhutanan dan sebagainya).

SIARAN SERTA MERTA
NRES.100-9/1/2 ()

Berdasarkan analisis Marginal Abatement Cost (MAC) Curve, Malaysia mempunyai potensi pengurangan GHG sebanyak 56 MtCO₂e menjelang 2030. Sebanyak 70% daripada potensi ini adalah melalui pilihan kos rendah seperti kecekapan tenaga.

"DPKK amat kritikal untuk menangani baki 30% pelepasan yang sukar dikurangkan. Melalui mekanisme pasaran karbon antarabangsa di bawah DPKK, dijangka teknologi berkost tinggi namun berpotensi mengurangkan pelepasan GHG dapat digunakan oleh pihak industri secara meluas" tambah beliau.

Keberkesanan DPKK akan diperkukuhkan melalui penguatkuasaan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) yang akan menjadi instrumen perundangan agar DPKK dapat dilaksanakan secara efektif. Pelaksanaan DPKK juga dijangka dapat mewujudkan peluang pekerjaan hijau yang baharu seperti juruaudit karbon, pakar MRV disamping menjamin kelestarian ekosistem semula jadi sebagai penyerap karbon (carbon sink).

Dari sudut industri, DPKK dapat memperluaskan akses kepada pasaran global yang semakin menekankan aspek perlindungan alam sekitar sekaligus meningkatkan daya saing industri negara. Melalui satu rangka kerja yang jelas, DPKK juga dijangka akan membuka ruang kepada industri domestik dan antarabangsa untuk membuat pelaburan terhadap teknologi rendah karbon.

Dalam masa yang sama, DPKK juga mampu menjana pendapatan tambahan melalui perdagangan kredit karbon yang boleh digunakan untuk tujuan konservasi alam sekitar dan membiayai peralihan ke arah rendah karbon.

NRES sentiasa komited dalam memastikan peralihan ke arah ekonomi rendah karbon ini dilaksanakan secara adil dan inklusif selaras dengan 7 prinsip Malaysia MADANI, demi kelestarian sumber asli dan kesejahteraan generasi akan datang.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
21 APRIL 2026

